

UMNO Kedah buat persiapan hadapi banjir

KODIANG: UMNO Kedah sudah membuat semua persiapan rapi untuk menghadapi banjir besar yang dijangka berlaku bila-bila masa, kata Timbalan Pengerusi Badan Perhubungannya Datuk Mukhriz Dr Mahathir.

Persiapan itu termasuk logistik, pusat penempatan, bekalan makanan kering, selimut dan dua bot untuk mangsa banjir.

“Laporan yang diterima menganggarkan hujan tahun ini agak lebat dan banjir luar biasa dijangka berlaku. Kita tidak tunggu sehingga ia berlaku sebaliknya membuat persiapan awal.

“Sekiranya tidak berlaku alhamdulillah, kalau berlaku kita bersedia hadapinya,” katanya pada sidang media selepas menghadiri program korban perdana Parlimen Jerlun di Kampung Padang Pering di sini, semalam.

Pada majlis itu, kira-kira 3,000 penduduk daripada lebih 170 kampung di Parlimen Jerlun mengadakan gotong-royong untuk menjayakan korban perdana berkenaan.

Sebanyak 175 lembu hasil sumbangan Pusat Khidmat Parlimen Jerlun disembelih sebelum diagihkan kepada penduduk kampung dan lima sekolah agama di kawasan itu.

Mukhriz berkata, bekalan makanan termasuk produk kering juga sudah diagihkan ke setiap pusat khidmat UMNO Bahagian untuk memastikan bekalan cukup.

Katanya, UMNO Kedah juga sudah meletakkan skuad bencana dalam keadaan berjaga-jaga untuk digerakkan terutama ke kawasan yang berisiko tinggi dilanda banjir.

“Selain produk kering seperti sardin, kita juga bercadang membekalkan produk sejuk beku seperti rendang segera bagi memberi lebih pilihan makanan kepada mangsa di pusat pemindahan.

“Kita juga turut menyediakan dua bot tambahan untuk memindahkan mangsa banjir ke pusat pemindahan jika berlaku banjir,” katanya.